

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN CHUN TIAN CHANG @ TIAN CHUA [ BATU ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Chun Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berikutan Kementerian telah membelanjakan RM45 juta peruntukan tambahan bagi tujuan pengiklanan pada tahun 2013. Antara perbelanjaan pengiklanan In-Market domestic telah menggunakan RM30 juta menerusi agensi pengiklanan yang telah dilantik. Bagaimana agensi ini dilantik. Adakah proses tender diadakan. Senaraikan agensi-agensi ini mengikut jenis iklan, tempoh dan harga.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Proses tawaran tender terbuka telah digunakan dalam pemilihan agensi-agensi pengiklanan untuk menjalankan pengiklanan In-Market untuk tempoh selama 3 tahun bermula pada tahun 2011 sehingga 2013 dan kemudian dilanjutkan sehingga Disember 2014 bagi menjayakan pelaksanaan VMY 2014.

Tawaran tender terbuka ini telah dilaksanakan pada tahun 2010 dan agensi yang telah adalah seperti berikut:-

<b>Agensi</b>	<b>Pasaran</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Peruntukan</b>
Impact Creations	Domestik & Acara	4 tahun	30 juta
Naga DBB	ASEAN	4 tahun	25 juta
Smascom & Design	Asia Timur & Utara	4 tahun	25 juta
Sen Media	Asia Selatan & Barat	4 tahun	26 juta
M&C Saatchi	Amerika, Eropah & Oceania	4 tahun	21 juta
<b>JUMLAH</b>			<b>127 JUTA</b>

Sekian, terima kasih.